



**PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN  
SARAWAK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**NAMA PROJEK**

**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH BUMBUNG 4 BLOK  
KUARTERS KELAS F DAN 2 BLOK KUARTERS KELAS  
E TERMASUK KERJA-KERJA BERKAITAN DI  
KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN KUCHING,  
JALAN DURIAN BURUNG**

**KOD PROJEK**

**KTRS/25/KUCHING/01**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Senarai Semak	1 – 2
2.	Borang Sebut Harga Kerja	3 – 4
3.	Arahan Kepada Penyebut Harga	5 – 9
4.	Lampiran F- Surat Akuan Pembida	10 – 12
5.	Syarat-Syarat Sebut Harga Untuk Kerja	13 – 17
6.	Spesifikasi	18 – 22
7.	Ringkasan Sebut Harga	23 – 28
8.	Profil Syarikat	29 – 35
9.	Pelan-Pelan Yang Berkaitan	36 – 39

## SENARAI SEMAK

Sila tandakan (√) bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari <i>Construction Industry Development Board (CIDB)</i> <b>ATAU</b> Salinan Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Kontraktor Kerja dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) <b>ATAU</b> Salinan Surat Pengiktirafan Status Bumiputera Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ), Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor Dari <i>Construction Industry Development Board (CIDB)</i> . <b>(Dokumen Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Sebut Harga Kerja Diisi dengan Lengkap dan Ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Arahan Kepada Penyebut Harga Diisi dengan Lengkap dan Ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Lampiran F – Surat Akuan Pembida.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Pematuhan Kepada Spesifikasi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Ringkasan Sebut Harga Diisi dengan Lengkap dan Ditandatangani.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Profil Syarikat Disertakan dengan Lengkap dan Teratur.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Borang Maklumat Penyebut Harga Diisi dengan Lengkap.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Carta Organisasi Syarikat Disertakan dengan Lengkap dan Teratur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Senarai Ahli-Ahli Syarikat Diisi dengan Lengkap.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Jadual Pengalaman Kerja Kontraktor.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Jadual Kerja-Kerja dalam Pelaksanaan Kontraktor.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Pelan-Pelan Berkaitan Lengkap Disertakan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	Sesalinan penyata bank bagi bulan <b><u>November 2024, Disember 2024 dan Januari 2025 (Dokumen Wajib)</u></b> transaksi berserta baki. Penyata bank asal bagi setiap bulan <b>MESTI</b> disahkan oleh pegawai bank (Nama dan Nombor ID berserta Cop Jawatan Pegawai/ Bank) yang mengeluarkan penyata tersebut. Penyata Bank yang dikemukakan selain daripada bulan-bulan yang dinyatakan <b>TIDAK AKAN DIAMBIL KIRA</b> . Adalah dimaklumkan bahawa dokumen penyata bank amat penting untuk mengukur keupayaan kewangan/modal Penyebut Harga.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**PENGESAHAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat serta terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

**Tandatangan :**

**Nama :**  
**Jawatan :**  
**Tarikh :**

**Cop Syarikat :**

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada)

**Tandatangan :**

**Nama :**  
**Jawatan :**  
**Tarikh :**

**Tandatangan :**

**Nama :**  
**Jawatan :**  
**Tarikh :**

**Tandatangan :**

**Nama :**  
**Jawatan :**  
**Tarikh :**

**Tandatangan :**

**Nama :**  
**Jawatan :**  
**Tarikh :**

**Tandatangan :**

**Nama :**  
**Jawatan :**  
**Tarikh :**

# **BORANG SEBUT HARGA KERJA**

# **BORANG SEBUT HARGA KERJA**

**Kod Projek** : KTRS/25/KUCHING/01  
**Tarikh Tutup** : 17 FEBRUARI 2025 (ISNIN)

Setiausaha Persekutuan Sarawak  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak  
Tingkat 3 & 17, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93300 Kuching  
Sarawak.

Tuan,

**NAMA PROJEK : KERJA – KERJA MEMBAIK PULIH BUMBUNG 4 BLOK KUARTERS KELAS F DAN 2 BLOK KUARTERS KELAS E TERMASUK KERJA-KERJA BERKAITAN DI KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN KUCHING, JALAN DURIAN BURUNG.**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Penyebut Harga, Syarat–Syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan Ringkasan Sebut Harga serta Pelan–Pelan, saya yang menandatangani di ruangan bawah adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja–kerja tersebut bagi **JUMLAH HARGA SEBANYAK** :

Ringgit Malaysia : .....  
..... ( RM ..... )

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja–kerja ini dalam tempoh masa ..... **MINGGU** dari tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran kerja.

.....  
Tandatangan Kontraktor  
  
Nama Penuh : .....  
No. K.P : .....  
Nama Syarikat : .....  
Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....  
  
No. Telefon Pejabat : .....  
No. Telefon Bimbit : .....  
Nama Bank : .....  
No.Akaun bank : .....  
Tarikh : .....

.....  
Tandatangan Saksi  
  
Nama Penuh : .....  
No. K.P : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....  
  
No. Telefon Bimbit : .....  
Tarikh : .....

**COP SYARIKAT**

# **ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### 2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

#### 2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor **WAJIB** mengisi (**menggunakan dakwat pen**) dengan lengkap dan menghantar ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak maklumat-maklumat seperti berikut:

- (a) Borang Sebut Harga Kerja.
- (b) Arahan Kepada Penyebut Harga.
- (c) Lampiran F – Surat Akuan Pembida.
- (d) Ringkasan Sebut Harga.
- (e) Profil Syarikat.
- (f) Borang Maklumat Penyebut Harga.
- (g) Carta Organisasi Syarikat.
- (h) Senarai Ahli-Ahli Syarikat.
- (i) Jadual Pengalaman Kerja Kontraktor.
- (j) Jadual Kerja-Kerja dalam Pelaksanaan Kontraktor.
- (k) Pelan-pelan Berkaitan.
- (l) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank tiga bulan terakhir (**November 2024, Disember 2024 dan Januari 2025**).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas kontraktor hendaklah menandatangani ringkas dan cop syarikat di atas semua pembedulan. **Penggunaan cecair pemadam adalah tidak dibenarkan.**

Setiap Penyebut Harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di atas apabila menyertai sebut harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat-syarat di bawah ini membolehkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.

#### 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat** berlakri yang dicatatkan pada **bahagian atas sebelah kiri sampul** itu dengan butiran berikut:

**KOD PROJEK : KTRS/25/KUCHING/01**

**NAMA PROJEK : KERJA – KERJA MEMBAIK PULIH BUMBUNG 4 BLOK KUARTERS KELAS F DAN 2 BLOK KUARTERS KELAS E TERMASUK KERJA-KERJA BERKAITAN DI KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN KUCHING, JALAN DURIAN BURUNG**

- (b) Dokumen hendaklah dihantar terus ke **Peti Sebut Harga** yang telah disediakan di alamat seperti dibawah;



**Setiausaha Persekutuan Sarawak  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak  
Tingkat 3, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93300 Kuching  
Sarawak**

Sebut Harga yang dihantar dengan tangan oleh pihak tuan/puan hendaklah dimasukkan ke dalam peti-peti sebut harga yang disediakan seperti alamat di atas sebelum atau pada **17 Februari 2025 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.**

- (c) Sebut harga yang diserahkan atau dihantar selepas tarikh dan masa yang ditetapkan, **tidak akan dipertimbangkan.**
- (d) **Satu Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan Satu Tawaran Sebut Harga sahaja. Tawaran alternatif tidak dibenarkan.**

### **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

### **3. TEMPOH SIAP KERJA**

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi **16 MINGGU.**

### **4. PINDAAN ATAU PENGURANGAN DOKUMEN**

Borang Sebut Harga dan dokumen berkaitan tidak boleh ditanggalkan di antara satu dengan yang lain. Tiada pindaan (melainkan mengisi di tempat yang kosong) akan dibuat kepada lampiran yang ada.

### **5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga sendiri.

### **6. MATAWANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **7. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut Harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

### **8. PENJELASAN**

Jika ada keraguan pada mana-mana bahagian oleh Penyebut Harga, ia perlu dilaporkan kepada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak serta-merta bagi mendapatkan penjelasan sebelum menghantar dokumen sebut harga. Tafsiran sebenar dokumen

sebut harga hanya sah apabila Addenda secara rasmi oleh Jawatankuasa Sebut Harga seperti Para 9.

## 9. ADDENDA

Addenda boleh diedarkan sebelum tarikh tutup sebut harga bagi menjelaskan Dokumen Sebut Harga atau pembetulan kepada mana-mana pindaan yang perlu dan ia adalah merupakan sebahagian daripada Dokumen Sebut harga tersebut. Bukti penerimaan adalah melalui pengisian borang yang dikepilkan bersama Addenda. Kegagalan untuk mengakui sebarang Addenda boleh menyebabkan sebut harga ditolak.

## 10. KAWALAN KEBERSIHAN

Kontraktor diingatkan supaya memberi perhatian yang berat mengenai kebersihan tapak kerja. Kontraktor hendaklah mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

## 11. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- (d) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## 12. HARGA INDIKATIF JABATAN

Harga Indikatif Jabatan bagi sebut harga ini adalah RM 499,994.40.....

Ringgit Malaysia: Empat Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Empat Dan Empat Puluh Sen Sahaja.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan adalah tidak bertanggungjawab terhadap ketidaktepatan harga ini dan Penyebut Harga bebas dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengemukakan harga sebut harga masing-masing.

**Saya mengaku, telah membaca dan memahami keseluruhan perkara di dalam “Arahan Kepada Penyebut Harga” yang dinyatakan.**

.....  
Tandatangan Kontraktor  
  
Nama Penuh :.....  
  
No. K/P :.....  
  
Jawatan :.....

.....  
Tandatangan Saksi  
  
Nama Penuh : .....  
  
No. K/P : .....  
  
Alamat : .....  
.....  
.....  
  
Tarikh : .....

Alamat Syarikat : .....  
.....  
.....  
  
Tarikh : .....

.....  
Cop Syarikat

# **LAMPIRAN F**

## **SURAT AKUAN PEMBIDA**

## SURAT AKUAN PEMBIDA

**NAMA PROJEK : KERJA – KERJA MEMBAIK PULIH BUMBUNG 4 BLOK KUARTERS KELAS F DAN 2 BLOK KUARTERS KELAS E TERMASUK KERJA-KERJA BERKAITAN DI KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN KUCHING, JALAN DURIAN BURUNG**

**NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: KTRS/25/KUCHING/01**

Saya, ..... nombor Kad Pengenalan ..... yang  
 (Nama Wakil Syarikat)  
 mewakili ..... nombor Pendaftaran  
 (Nama Syarikat)  
 ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau  
 (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)  
 mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1. Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2. Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil:

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan\*\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang Benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. KP : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*\*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) \*\*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan

# **SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA**

## **SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA**

### **1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### **2. BON PELAKSANAAN / INSURANS (JIKA BERKAITAN)**

- 2.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan **5% Bon Pelaksanaan** daripada jumlah harga tawaran dalam bentuk Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). Bon Pelaksanaan ini akan dikembalikan selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) tamat.
- 2.2 Kontraktor hendaklah **atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Tanggungan Awam dan Insurans Kerja\*** (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan kerja termasuk Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). Kontraktor hendaklah juga mengemukakan **Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.**
- 2.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimana pun untuk tujuan **memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.** Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 8(d).

### **3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA**

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-Syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pejabat atau wakilnya.
- 3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling serta undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
  - (a) Suruhanjaya Tenaga/Sarawak Energy Berhad.
  - (b) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan.
  - (c) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik.
  - (d) Jabatan Bomba dan Penyelamat.
  - (e) Pihak Berkuasa Tempatan.



#### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya kontraktor **gagal memulakan kerja selepas 7 hari** dari tarikh tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Sebut Harga tanpa sebab munasabah, tawaran itu akan dibatalkan oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor.

#### **5. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEJABAT SUPS**

- 5.1 Pejabat atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah mengemukakan baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi sekiranya diminta oleh pihak Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.
- 5.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 5.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan didalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak secara bertulis.

#### **6. RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 6.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 6.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.
- 6.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.
- 6.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum kerja dikeluarkan.
- 6.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 6.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 6.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

## **7. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 7.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerjadengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 7.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga diahendaklah merujuk kepada Pejabat untuk mendapatkan keputusan.

## **8. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

- 8.1 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak berhak membatalkan kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak;-
- (a) Sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
  - (b) Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
  - (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
  - (d) Tidak mematuhi arahan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
  - (e) Apabila kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## **9. PERUBAHAN KERJA**

- 9.1 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis.
- 9.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan kontraktor hendaklah digunakan.

## **10. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)**

- 10.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga adalah 12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah 12 bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada 12 bulan boleh dikenakan.
- 10.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah

membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas koskontraktor sendiri.

- 10.3 Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tidak mencukupi, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak berhak surat pengesyoran kepada *Construction Industry Development Board* (CIDB) untuk menggantungkan pendaftaran kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/KetuaJabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

## **11. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembackan Borang-Borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.

## **12. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak akan mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

## **13. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak akan mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

## **14. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

# SPESIFIKASI

## **SPESIFIKASI**

### **1. Kerja-kerja awalan (*general and premininaries*)**

- a. **PIHAK KONTRAKTOR WAJIB** menyediakan perlindungan insuran premium seperti di bawah dan perlu dinyatakan di dalam *invoice*.
  - i. Insuran Kerja
  - ii. Insuran Tanggungan Awam
- b. Menyediakan 3 set **Laporan Bergambar** bagi kerja **sebelum, semasa dan selepas siap kerja**.
  - i. Jadual gerak kerja sepanjang tempoh kerja dijalankan.
  - ii. Gambar sebelum, semasa dan selepas kerja siap hendaklah menunjukkan keadaan di tempat yang sama.
  - iii. Lain-lain (resit, surat aduan dan sebagainya yang diterima semasa kerja dilakukan).
  - iv. Laporan hendaklah dikepil atau disediakan dalam bentuk folio gambar bersaiz 4R.
- c. Persediaan Di Tapak
  - i. Kontraktor hendaklah melakukan kerja-kerja pengukuran di tapak seperti yang telah dicadangkan.
  - ii. Penyediaan tapak bina hendaklah dilakukan oleh pihak kontraktor supaya tidak mengganggu kawalan trafik di tapak bina.
  - iii. Segala pergerakan jentera dan lori hendaklah dalam keadaan terkawal dan teratur.
  - iv. Pihak kontraktor hendaklah menanggung segala kerosakan yang mana tidak termasuk di dalam sebut harga sama ada disengajakan atau tidak.
  - v. Kerja-kerja pembersihan setelah kerja disiapkan hendaklah dilakukan oleh pihak kontraktor.

### **2. Membaikpulih Bumbung Kelas E & F**

- i. Jenis bumbung yang digunakan hendaklah yang berkualiti dan daripada jenis spandek berwarna kelabu atau setara.
- ii. Kepingan aluminium berombak hendaklah separuh atau tiga suku keras dan bersisip hujung 150mm.
- iii. Ketebalan bumbung yang digunakan bagi setiap satu hendaklah 0.48mm.
- iv. Pemasangan bagi setiap lapisan bumbung hendaklah dengan cara yang betul supaya tidak berlaku kebocoran.
- v. Pemasangan hendaklah berserta dengan skru dan sesendal bitumen yang berkualiti dan anti karat.
- vi. Skru yang dipasangkan hendaklah dengan jarak 380mm setiap satu.
- vii. Panjang setiap skru yang digunakan hendaklah 40mm dan ketebalan bagi '*drilling capacity*' adalah 6.5mm.
- viii. Penutup bumbung hendaklah dipasang disepanjang atas permukaan bumbung dan di skru dengan jarak 380mm dan mempunyai ketebalan 0.48mm.
- ix. Pastikan bumbung yang digunakan mengikut ukuran, bentuk, warna dan bebas daripada segala kecacatan dan kerosakan.

## 2.1 Membekal Dan Memasang Baru Lapisan Kertas Aluminium

- 2.1.1 Pastikan pemasangan susunan lapisan kertas aluminium betul, teratur dan tersusun.
- 2.1.2 Pemasangan hanya satu (1) lapisan kertas aluminium digunakan iaitu '*double side bubble aluminium foil insulation*'.
- 2.1.3 Pastikan permukaan lapisan kertas aluminium diperketatkan.

## 2.2 Membekal Dan Memasang Baru Dawai Halus (*Chicken Wire Mesh*)

- 2.2.1 Pastikan saiz bagi '*chicken wire mesh*' adalah berdiameter 25mm dan setiap lapisan hendaklah diperketatkan.
- 2.2.2 Pastikan susunan bagi setiap lapisan adalah betul.
- 2.2.3 Pastikan dipasang di bahagian keseluruhan bumbung.

## 3. Menukar Baru Talang Air Hujan

- i. Kerja-kerja memasang baru talang air hujan jenis UPVC beserta sambungan dan klip penahan.
- ii. Kerja-kerja memasang baru talang air hujan jenis *UPVC 'heavy duty box gutter'* beserta sambungan dan klip penahan.
- iii. Pastikan pancur hujan yang dipasang diikat menggunakan klip penahan dan hendaklah diperketatkan di bahagian papan kekisi.
- iv. Ukuran bagi pancur hujan jenis UPVC yang digunakan adalah 100mm x 150mm.
- v. Pastikan bahagian saluran paip hujan mempunyai penutup dan penapis.
- vi. Kecerunan bagi pengaliran air dalam talang hujan hendaklah ditentukan di kawasan tapak.
- vii. Kerja-kerja memasang baru saluran paip hujan jenis UPVC bersaiz 100mm (4 inci) di setiap penjuru unit kuarters.
- viii. Pastikan setiap sambungan bagi saluran paip hujan menggunakan 'soket' yang dikhaskan.
- ix. Pastikan saluran paip hujan diklipkan dengan menggunakan klip penahan di bahagian dinding/tiang.
- x. Saluran paip hujan hendaklah dimasukkan dibawah '*apron*' '*concealed hidden in the apron floor*'.
- xi. Pastikan bahagian '*apron*' ditutupi dengan penuangan konkrit selepas saluran paip dimasukkan.

## 4. Membaikpulih Siling Luar Serta Papan Kekisi Bumbung Bersaiz 1" X 8" atau (Mengikut Kesesuaian) Termasuk Kerja Mengecat

- 4.1 Pastikan permukaan kayu daripada yang terbaik, kering dengan sempurna, bersih daripada sebarang getah, retak, penjurukan yang susut, mengeleding, pecah dan dari sebarang kecacatan yang lain.
- 4.2 Pastikan papan kekisi diikat ke bahagian hujung kasau dengan menggunakan skru/paku secukupnya.
- 4.3 Permukaan kayu hendaklah dicat dengan tiga (3) lapisan iaitu lapisan pertama '*undercoat*' dan kedua dan ketiga adalah cat minyak jenis *Gloss Finish*.

## 5. Kehendak Am (Kerja Mengecat)

- i. Cat-cat hendaklah dihantar ke tapak bina dalam bekas asal yang berlakri dari pembuat yang belum dibuka dan hendaklah mengikut peraturan pembuat.
- ii. Cat-cat tidak boleh dicampuri dengan bahan-bahan lain dan mana-mana cat yang telah rosak mutunya tidak boleh digunakan dan hendaklah dibawa keluar dari tapak bina.
- iii. Kerja mengecat hendaklah dilakukan oleh pekerja-pekerja mahir dan perkakas atau alat-alat yang bersesuaian sahaja digunakan.
- iv. Kerja mengecat hendaklah tidak boleh dilakukan dalam keadaan yang boleh menjejaskan mutu kerja mengecat.
- v. Semasa mengecat, langkah berjaga-jaga hendaklah diambil untuk mengelak pengotoran atau kerosakan kepada kerja lain.
- vi. Permukaan yang siap hendaklah seragam dari kemas dan warna dan bebas daripada tanda-tanda berus atau lain-lain kecacatan.

### 5.1 Mengecat Kerja Kayu

- i. Pihak kontraktor hendaklah menyediakan peralatan perancah (*scaffolding*) untuk kerja mengecat.
- ii. Pastikan kerja-kerja mengecat lapisan pertama menggunakan cat emulsi dan kayu penahan siling hendaklah dicat dengan cat kalis air.

### 5.2 Mengecat Kepingan Gypsum, Kepingan Uac, Kepingan Asbestos Dan Sebagainya

- i. Sebelum mengecat, permukaan yang hendak dicat itu hendaklah bersih dan bebas dari debu. Permukaan itu kemudiannya hendaklah disapu dengan dua lapisan cat emulsi. Cara yang sama hendaklah diikuti bila mengecat semula permukaan cat lama.

### 5.3 Kemas Kerja Mengecat

- i. Setelah selesai kerja mengecat, semua tanda cat yang tertinggal dan terkena kepada kaca, lantai, jubin dan lain-lain permukaan hendaklah ditanggalkan. Apa-apa kotoran dan tanda ke atas kerja mengecat yang telah siap hendaklah ditanggalkan dan dicat semula mengikut sepertimana yang diluluskan oleh **Pihak Pejabat.**

#### PERHATIAN :

- a. *Jangan tuangkan cat yang tidak digunakan lagi ke saluran air atau parit.*
- b. *Biarkan cat kering seluruhnya dalam sebelum ia dibuang ke dalam tong sampah.*

## 6. Memasang Baru Pintu Dan Kerangka Pintu (*Solid Wood*)

- i. Pintu hendaklah menggunakan jenis kayu keras seperti meranti atau setara;
- ii. Keseluruhan permukaan kerangka dan pintu hendaklah dicat. (Bahagian kiri, kanan, atas, bawah, depan dan belakang);
- iii. Cat digunakan hendaklah berwarna *dark grey* atau seperti warna asal di tapak; dan
- iv. Pintu hendaklah ditukar berserta aksesori berkaitan seperti tombol, engsel & lain-lain.

7. **Memasang Baru Pintu Papan Lapis (*Plywood*)**
  - i. Menggunakan jenis yang berkualiti;
  - ii. Hendaklah dipasang dengan betul dan mengikut saiz sedia ada di tapak;
  - iii. Keseluruhan permukaan pintu hendaklah dicat. (Bahagian kiri, kanan, atas, bawah, depan dan belakang);
  - iv. Cat digunakan hendaklah berwarna dark grey atau seperti warna asal di tapak; dan
  - v. Pintu hendaklah ditukar beserta aksesori berkaitan seperti tombol, engsel & lain-lain.
  
8. **Tombol Pengunci / *Lockset***
  - i. Jenis yang berkualiti seperti jenis Yale, Aman dan yang diluluskan oleh **Pejabat SUPS**.
  
9. **Memasang Baru Pili Paip**
  - i. Hendaklah menggunakan jenis *mild steel* seperti brand KK, DOE, VIP atau yang diluluskan oleh Pejabat SUPS; dan
  - ii. Penggunaan jenis tembaga dan plastik tidak dibenarkan.
  
10. **Memasang Baru Pemancar Hujan Dan *Stopper* Untuk Pemancar Hujan**
  - i. Pemancar hujan '*shower*' hendaklah jenis UPVC; dan
  - ii. *Stopper* untuk pemancar hujan hendaklah jenis yang berkualiti.
  
11. **Kerja-Kerja Membaik Pulih Dinding Dan Siling**
  - i. Kerangka kayu siling dan dinding yang rosak perlu ditukar terlebih dahulu;
  - ii. Hendaklah menggunakan kerangka kayu jenis kayu keras;
  - iii. Siling hendaklah jenis *UAC* dan lengkap dengan kayu penahan (*lisc*) dan perlu dicat kemas; dan
  - iv. Penggunaan siling jenis asbestos tidak dibenarkan.



# **RINGKASAN SEBUT HARGA**

## RINGKASAN SEBUT HARGA

**NAMA PROJEK: KERJA – KERJA MEMBAIK PULIH BUMBUNG 4 BLOK KUARTERS KELAS F DAN 2 BLOK KUARTERS KELAS E TERMASUK KERJA-KERJA BERKAITAN DI KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN KUCHING, JALAN DURIAN BURUNG**

il.	Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Harga Satu ( RM )	Jumlah ( RM )
	<b>UKURAN SEBENAR BERGANTUNG KEPADA UKURAN DI TAPAK. SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD. SEBARANG KERJA-KERJA TAMBAHAN ( VARIATION ORDER ) TIDAK DIBENARKAN.</b>				
<b>A</b>	<b>KERJA-KERJA PENDAHULUAN (GENERAL &amp; PRELIMINARIES WORK).</b>			} H. Pukal	
1	Kerja-kkerja pendahuluan yang terkandung di dalam Syarat-Syarat Kontrak dan Spesifikasi Kerja.				
2	Kerja-kkerja pemeriksaan Pegawai Penguasa kerja baikpulih bumbung sebanyak 2 kali menggunakan skylift				
<b>B</b>	<b>KERJA-KERJA MENUKARGANTI BUMBUNG 4 BLOK KUARTERS KELAS F (SARIKEI, SRI AMAN, BINTULU DAN LIMBANG)</b>				
1	Kerja-kkerja membuka, menyedia dan memasang baru atap (0.48mm thick) berserta dengan perabung atap, lapisan kertas beraluminium ( <i>Double sided bubble foil aluminium insulation with 150mm laps, dawai halus 'Galvanised chicken wire netting 25mm x 25mm grid, fixed with tying wire</i> ) pada keluasan 370m <sup>2</sup> /blok.	m <sup>2</sup>	1,480		
<b>C</b>	<b>KERJA-KERJA MENUKARGANTI SALURAN TALANG AIR HUJAN, SALURAN PAIP AIR HUJAN DAN BAIK PULIH SILING LUAR 4 BLOK KUARTERS KELAS F.</b>				
1	Kerja-kkerja membuka, menyedia dan memasang baru talang air hujan 150mm PVC (150mm box PVC <i>rainwater gutter including jointing and fixing with brackets</i> ) termasuk dengan sambungan berkaitan pada jarak 60m/unit.	blok	4		
2	Kerja-kkerja membuka, menyedia dan memasang baru saluran paip "100mm <i>Diameter Class B UPVC rainwater downpipe jointed with socket connectors and fixed to wall with brackets and distance pieces</i> " termasuk penyambungan ke saluran pancur hujan.	blok	4		
3	Kerja-kkerja membaik pulih siling luar serta <i>thick barge boards and fascias</i> yang rosak termasuk kerja mengecat dengan ukuran sedia ada.	blok	4		
<b>D</b>	<b>KERJA-KERJA MENUKARGANTI BUMBUNG 2 BLOK KUARTERS KELAS E (KUCHING &amp; IPOH)</b>				
1	Kerja-kkerja membuka, menyedia dan memasang baru atap (0.48mm <i>thick</i> ) berserta dengan perabung atap, lapisan kertas beraluminium ( <i>Double sided bubble foil aluminium insulation with 150mm laps, dawai halus 'Galvanised chicken wire netting 25mm x 25mm grid, fixed with tying wire</i> ) pada keluasan 904m <sup>2</sup> /blok.	m <sup>2</sup>	1,808		
<b>Jumlah Di bawa ke BQ 2/4</b>					

BQ 1/4

Bil.	Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Harga Satu (RM)	Jumlah (RM)
Jumlah daripada muka surat BQ 1/4					
<b>E</b>	<b>KERJA-KERJA MENUKARGANTI SALURAN TALANG AIR HUJAN DAN SALURAN PAIP AIR HUJAN 2 BLOK KUARTERS KELAS E</b>				
1	Kerja-kerja membuka, menyedia dan memasang baru talang air hujan 150mm PVC (150mm <i>box PVC rainwater gutter including jointing and fixing with brackets</i> ) termasuk dengan sambungan berkaitan dengan panjang 161m/blok.	blok	2		
2	Kerja-kerja membuka, menyedia dan memasang baru saluran paip "100mm <i>Diameter Class B UPVC rainwater downpipe jointed with socket connectors and fixed to wall with brackets and distance pieces</i> " termasuk penyambungan ke saluran pancur hujan.	blok	2		
3	Kerja-kerja membaik pulih siling luar serta <i>Thick barge boards and fascias</i> yang rosak termasuk kerja mengecat dengan ukuran sedia ada.	blok	2		
<b>F</b>	<b>KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH KEROSAKAN DALAMAN BLOK KUARTERS KELAS E</b>				
1	<b>Unit 5 dan 6 Blok Ipoh</b>				
1.1	Kerja-kerja membaiki, mengganti dan menampal dinding dan siling serta mengecat keseluruhan bahagian dalaman untuk unit kuarters. Dinding dan siling menggunakan cat emulsi dan kerangka tingkap, kerangka pintu dan pintu menggunakan cat minyak ( <i>gloss paint</i> ).	unit	2		
1.2	Kerja-kerja membuka, menyedia dan memasang baru pintu dengan menggunakan kayu keras ( <i>solid wood</i> ) mengikut ukuran sedia ada lengkap dengan tombol pengunci termasuk kerja-kerja berkaitan, Mengikut ukuran sedia ada termasuk kerja-kerja mengecat keseluruhan permukaan kayu dengan menggunakan cat minyak ( <i>gloss paint</i> ) untuk pintu utama dan belakang. Unit 5 = 2 Unit 6 = 1	bil.	3		
1.3	Kerja-kerja membuka, menyedia dan memasang baru pintu papan lapis ( <i>plywood</i> ) dengan mengikut ukuran sedia ada lengkap dengan tombol pengunci termasuk kerja-kerja mengecat keseluruhan permukaan kayu pada pintu termasuk kerja-kerja berkaitan untuk pintu bilik dan pintu ke dapur. Unit 5 = 5 Unit 6 = 3	bil.	8		
<b>Jumlah Di bawa ke BQ 3/4</b>					

BQ 2/4

Bil.	Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Harga Satu (RM)	Jumlah (RM)
	Jumlah daripada muka surat BQ 2/4				
1.4	Kerja-kerja membuka, menyedia dan memasang baru pintu PVC dengan mengikut ukuran sedia ada lengkap dengan engsel serta selak pengunci untuk pintu bilik mandi dan pintu tandas. Unit 5 = 2 Unit 6 = 3	bil.	5		
1.5	Kerja membuka, menyedia dan memasang baru kerangka pintu menggunakan kayu keras mengikut ukuran sedia ada, termasuk kerja-kerja mengecat untuk kerangka pintu Unit 5 = 1 (bilik air, <i>master bedroom</i> ) Unit 6 = 1 (pintu bahagian belakang)	bil.	2		
1.6	Kerja-kerja membuka, menyedia dan memasang baru tangki simbah ( <i>cistern</i> ) tandas termasuk penutup tandas ( <i>toilet lid</i> ) serta sambungan saluran paip ke mangkuk tandas yang berkaitan.	bil.	4		
1.7	Kerja-kerja memasang UAC <i>superflex</i> dengan ketebalan 4.2mm bagi menutup lubang angin untuk bahagian luar dan dalam unit kuarters. Anggaran luas dinding 1.2 X 2.4 meter.	set	10		
1.8	Kerja-kerja membuka saluran air hujan asal termasuk kerja-kerja menyimen lantai yang berlubang di bilik air ruang tamu.	unit	2		
2	Kerja-kerja membaik pulih sistem perpaipan lama di dalam kuarters serta kerja-kerja mengorek semula paip lama dalam dinding konkrit jika perlu, dengan menggunakan paip HDPE bersaiz 20mm termasuk alat-alat penyambungan yang berkaitan.	bil.	2		
2.1	Pili paip untuk singki dapur berdiameter 20mm jenis kepala angsa jenis <i>stainless steel</i> yang berkualiti.	bil.	2		
2.2	Pili paip air untuk bilik air ruang tamu, bilik air master bedroom dan bilik air belakang. Jenis <i>Chromium plated</i> 12mm yang berkualiti.	bil.	10		
2.3	<i>Flexible hose and wall brackets (Handheld Bidet)</i> untuk bilik air.	bil.	6		
2.4	<i>Rain shower head.</i>	bil.	6		
3	Kerja-kerja membuka, menyedia dan memasang baru kerangka dan tingkap kayu ( <i>solid wood</i> ) serta bercermin yang rosak dengan anggaran saiz 1.08mm x 0.86mm lengkap dengan engsel serta pengunci. Unit 5 = 2 set	bil.	2		
<b>Jumlah Di bawa ke BQ 4/4</b>					

BQ 3/4

Bil.	Butir Kerja	Unit	Kuantiti	Harga Satu (RM)	Jumlah (RM)
	Jumlah daripada muka surat BQ 3/4				
4	Menyedia dan memasang baru tingkap cermin gelap, tingkap 3 panel aluminium jenis gelongsor berketebalan 6mm berbingkai aluminium jenis <i>sliding window</i> termasuk pemasangan alat kekunci tingkap mengikut jumlah tingkap yang berasingan atau setara. Unit 5 = 1 set	set	1		
5	Kerja-kerja membuka rak dan kabinet kayu yang rosak di dalam Unit 2,3,5 dan 6, serta kerja-kerja mengangkat sisa keluar dari kuarters termasuk kerja-kerja berkaitan..	unit	4		
6	Kerja-kerja membuka, menyediakan dan memasang baru UAC <i>superflex</i> dengan ketebalan 4.2mm dan kerja-kerja mengecat permukaan kepingan UAC <i>superflex</i> bagi menutup saluran kabel elektrik bahagian laluan tangga blok dengan anggaran luas dinding 8.4 X 0.82 meter, termasuk kerja-kerja berkaitan.	set	2		
<b>Jumlah Di bawa ke Lampiran Harga Keseluruhan</b>					

BQ 4/4

**LAMPIRAN HARGA KESELURUHAN**

BIL	BUTIRAN KERJA	HARGA (RM)
A	NAMA PROJEK : NAMA PROJEK :KERJA – KERJA MEMBAIK PULIH BUMBUNG 4 BLOK KUARTERS KELAS F DAN 2 BLOK KUARTERS KELAS E TERMASUK KERJA-KERJA BERKAITAN DI KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN KUCHING, JALAN DURIAN BURUNG.	
<b>JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA</b>		

Ringgit Malaysia : .....

.....

.....

TEMPOH SIAP KERJA:..... (MINGGU)

.....  
(Tandatangan Kontraktor)

Nama :.....

Cop Kontraktor :.....

Tarikh :.....

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama :.....

Tarikh :.....

# PROFIL SYARIKAT

## **BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA**

### **A. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

Semua butiran di lampiran ini hendaklah diisi oleh Penyebut Harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan dokumen Sebut Harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan Sebut Harga ini ditolak atau/dan mengakibatkan tindakan tatatertib diambil ke atas Penyebut Harga berkenaan.

### **B. LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

1. Nama Syarikat : .....
2. Nama Pemilik Syarikat : .....
3. Alamat Berdaftar Syarikat: .....  
.....  
.....
4. No. Telefon Pejabat : .....
5. No. Telefon Bimbit : .....
6. No. Faks Pejabat : .....

### **C. MAKLUMAT SYARIKAT**

1. SIJIL PENDAFTARAN (ORDINAN NAMA-NAMA PERNIAGAAN, BAB 64)
  - (a) No. Pendaftaran : .....
  - (b) Tarikh didaftarkan : .....
  - (c) Jenis Perniagaan : .....  
: .....  
: .....
2. ORDINAN PERNIAGAAN, PROFESSION DAN PERLESENAN PERDAGANGAN (BORANG I)
  - (a) No. Pendaftaran : .....
  - (b) Tempoh Sah laku : ..... Hingga .....



3. SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

(a) Gred : ..... Kategori : ..... Pengkhususan Berdaftar: .....

(b) Tarikh didaftarkan : .....

(c) Tempoh Sah Laku : ..... Hingga .....

4. UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING(UPKJ), PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK

(a) Kelas : ..... Kepala : ..... Sub-Kepala : .....

(b) Tarikh didaftarkan : .....

(c) Tempoh Sah Laku : ..... Hingga .....

**D. STATUS BUMIPUTERA**

1. PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK), KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

(a) No. Pendaftaran : .....

(b) Tempoh Sah laku : ..... Hingga .....

2. UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING(UPKJ), PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK

(a) No. Pendaftaran : .....

(b) Tempoh Sah laku : ..... Hingga .....

**E. MAKLUMAT KEWANGAN**

Modal Disimpan : .....

Modal Pusingan Berkumpul : .....

## **CARTA ORGANISASI SYARIKAT**

**Catatan : Lakaran dan tulisan menggunakan pen. Nama dan jawatan hendaklah ditulis dengan jelas.**

## SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT

Bil.	Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

## PENGALAMAN KERJA KONTRAKTOR

Nama Projek	Jabatan/Agensi/Perunding Yang Mengawal Projek	Harga	Tempoh	Tarikh Siap Sebenar

**KERJA KERJA DALAM PELAKSANAAN KONTRAKTOR**

<b>Projek</b>	<b>Jabatan/Agensi/ Perunding Yang Mengawal Projek</b>	<b>Harga Kontrak</b>	<b>Tempoh Kontrak</b>	<b>Peratusan Kemajuan Semasa (Nyatakan tarikh)</b>

# **PELAN-PELAN DAN GAMBAR BERKAITAN**

## BLOK F



## BLOK E







## KUARTERS GUNASAMA JALAN DURIAN BURUNG, STAMPIN, KUCHING

